

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.: (07)04/ C/ P/ 656/2/Jld. 2

Bil. Kami / Our Ref.:

HARI BERTEMU PELANGGAN
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

27 April, 2007

Pk (EF) MPOB 06/2007

Semua Kilang Penapis
Semua Peniaga Minyak Sawit (Pembungkus Minyak Masak)

Tuan/ Puan,

BEKALAN MINYAK MASAK DI PASARAN TEMPATAN

Sukacita saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

Dimaklumkan bahawa YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi memandangkan berat atas laporan kekurangan minyak masak di pasaran tempatan seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar tempatan (The Star) pada 27 April 2007. YB Menteri telah bersetuju untuk membayar balik kerugian yang dialami oleh kilang penapis dan peniaga minyak sawit (pembungkus minyak masak) bermula pada bulan Januari 2007 tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, Lembaga memohon kerjasama semua kilang-kilang penapis dan pembungkus minyak masak untuk terus membekalkan minyak masak kepada peruncit-peruncit dan memastikan tidak berlaku kekurangan minyak masak kepada pengguna-pengguna tempatan.

Sekian untuk perhatian dan tindakan tuan sewajarnya.


Terima kasih.

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan
Wisma Sawit

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 • Faks: 603-78034014 • 78061485 • <http://www.mpob.gov.my>
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

MESRA, ADIL, TEGAS, AMANAH

Saya yang menurut perintah,



HJ. ADZMI BIN/HASSAN

Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan

b/p Ketua Pengarah

MPOB

- s.k
- i. Ketua Pengarah
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)
 - iii. Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN**

PEKELILING PENGUATKUASAAN

Rujukan Pekeliling : **Pk (EF) MPOB 06/2007**
Tarikh Kuatkuasa : **27 April 2007**
Perkara : **BEKALAN MINYAK MASAK DI PASARAN TEMPATAN**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan untuk membayar balik kerugian yang dialami oleh kilang penapis dan peniaga minyak sawit (pembungkus minyak masak).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi memandang berat atas laporan kekurangan minyak masak di pasaran tempatan seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar tempatan (The Star) pada 27 April 2007.

2.2 Sehubungan itu, YB Menteri telah bersetuju untuk membayar balik kerugian yang dialami oleh kilang penapis dan peniaga minyak sawit (pembungkus minyak masak) bermula pada bulan Januari 2007 tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

3.0 BEKALAN

3.1 Lembaga meminta semua kilang-kilang penapis dan peniaga minyak sawit (pembungkus minyak masak) untuk terus membekalkan minyak masak kepada peruncit-peruncit dan memastikan tidak berlaku kekurangan minyak masak kepada pengguna-pengguna tempatan.

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 06/2007 **Pk (EF) MPOB 06/2007** adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori kilang penapis dan peniaga minyak sawit (pembungkus minyak masak).

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN**

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 27 April, 2007.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

HJ. ADZMI BIN HASSAN
Pegarah Pelesenan dan Penguatkuasaan
MPOB
Tarikh : 27 April 2007

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>